

19 MAY 1997

Anwar-rumah

PERMOHONAN KEMUDAHAN RUMAH KOS RENDAH BIARLAH MUNASABAH, KATA ANWAR

KUCHING, 19 Mei (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta rakyat agar munasabah dalam permintaan mereka mendapatkan kemudahan pada projek rumah kos rendah.

Ini kerana pemaju tidak dapat memberi kemudahan lebih daripada yang telah diluluskan terhadap kawasan perumahan mereka kerana ia melibatkan kos yang tinggi, kata beliau.

"Sementara kita minta sektor swasta melaksanakan tanggungjawab sosial, rakyat juga mesti munasabah dalam permintaan mereka," katanya ketika melancarkan Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) di Kota Samarahan, 30 km dari sini hari ini.

Projek itu yang mengandungi 5,044 unit rumah bagi fasa pertama dibangunkan oleh Suruhanjaya Pembangunan Perumahan Sarawak (PERUMAHAN) dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (Pelita) dan bina oleh NAIM Holding Sdn. Bhd.

Sebanyak 4,470 daripadanya merupakan rumah kos rendah dan sederhana rendah manakala selebihnya rumah kos tinggi dan unit-unit kedai. Fasa pertama projek itu terletak di kawasan seluas 148 hektar.

Anwar berkata ada desas-desus yang sampai kepada beliau kononnya pembeli rumah kos rendah menganggap beliau kurang menyokong tuntutan mereka dalam soal kemudahan rumah kos rendah.

"Sementara saya sokong, saya mesti sokong syarat-syarat yang munasabah. Kalau tidak, tidak ada sektor swasta yang nak bangunkan projek perumahan rakyat," katanya.

Anwar berkata jika sektor swasta mempunyai pilihan, mereka akan membina projek besar saja seperti membina rumah kedai dan perumahan kos tinggi kerana ia akan menjamin pulangan yang lumayan tanpa menghadapi masalah rumit.

Oleh itu kerajaan terpaksa membantu sektor swasta membekalkan kemudahan asas seperti jalan, sekolah serta masjid di samping tempat permainan dan kemudahan lain.

Syarikat pemaju pula terpaksa menggunakan kaedah subsidi silang dengan menggunakan keuntungan daripada projek besar mereka untuk menampung pembinaan projek rumah kos rendah.

Beliau menjelaskan bahawa kos pembinaan rumah kos rendah lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan dan kerajaan terpaksa menampung secara subsidi kos ini di samping membekalkan kemudahan asas pada projek perumahan itu.

Anwar menganggap pelancaran projek itu oleh beliau sebagai amat bermakna kerana ia diadakan pada hari pertama beliau memegang amanah sebagai Pemangku Perdana Menteri sementara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti rehat di luar negara selama dua bulan.

"Memang projek perumahan untuk rakyat ini dekat di hati saya dan saya amat senang sekali menerima undangan melancar projek ini," katanya.

Beliau berkata projek ini yang dibina di luar dari bandar raya Kuching merupakan satu usaha kerajaan mengangguhkan kekayaan kepada rakyat di luar bandar.

Pengangguhan kekayaan tidak semestinya berupa bantuan secara langsung tetapi juga dengan memindah projek besar ke kawasan luar bandar supaya ia tidak tertumpu di satu-satu kawasan saja, katanya.

Apabila projek seperti ini dibina di luar kawasan bandar, maka segala kemudahan asas seperti jalan, sekolah dan kemudahan perubatan dengan

sendirinya dapat dinikmati oleh rakyat pedalaman, katanya.

Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya berkata pelaksanaan projek itu merupakan satu usaha kerajaan menyekat penghijrahan ke bandar raya Kuching.

"Kita tidak mahu menjadikan bandar raya Kuching menjadi terlalu sesak, kotor dan banyak setinggan," katanya.

Sementara kerajaan berjaya mewujudkan Kuching sebagai bandar raya yang bersih dan diakui dunia sebagai antara bandar raya paling menarik, ia juga meneruskan falsafah untuk membawa pembangunan ke kawasan sekitar.

Projek perumahan di kawasan itu juga amat sesuai dan menarik kerana terdapat institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan kampus Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Sarawak yang baru, katanya.

Beliau berkata tidak lama lagi sebuah Pusat Perubatan Antarabangsa akan juga diwujudkan di situ yang boleh membekal kemudahan perubatan peringkat tinggi.

Oleh kerana perancangan Kota Samarahan, yang asalnya mempunyai kira-kira 1,000 penduduk kepada 30,000 sekarang ini, disusun lebih awal maka pembangunannya akan dapat diatur secara lebih terkawal, kata Taib.

Anwar kemudian menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara NAIM Housing dan PERUMAHAN dan Pelita bagi pelaksanaan projek itu.

NAIM Housing diwakili Pengarah Urusannya Hasmi Hasnan manakala PERUMAHAN pula oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Abdul Hamid Yusof dan Pelita oleh Pengurus Besarnya, Polit Hamzah.

Anwar dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail turut diraikan pada majlis makan tengah hari di kawasan tapak projek perumahan itu.--

BERNAMA

OPP RUDY MAI